

*MOTIVATIONAL INTERVIEWING: PEMBINAAN  
LATIHAN ADAPTASI MOTIVATIONAL  
INTERVIEWING (AMI), KESAN LATIHAN STRATEGI  
AMI KE ATAS KAUNSELOR PELATIH DAN  
PENGARUH ELEMEN BUDAYA KE ATAS KESAN  
LATIHAN*



SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011

*MOTIVATIONAL INTERVIEWING: PEMBINAAN  
LATIHAN ADAPTASI MOTIVATIONAL  
INTERVIEWING (AMI), KESAN LATIHAN STRATEGI  
AMI KE ATAS KAUNSELOR PELATIH DAN  
PENGARUH ELEMEN BUDAYA KE ATAS KESAN  
LATIHAN*



PUTERI HAYATI BINTI MEGAT AHMAD  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH

SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOAIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN CALON**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Februari 2011

---

PUTERI HAYATI MEGAT AHMAD

PS2006-8184



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : PUTERI HAYATI MEGAT AHMAD

NO MATRIK : PS20068184

TAJUK : **MOTIVATIONAL INTERVIEWING: PEMBINAAN LATIHAN ADAPTASI MOTIVATIONAL INTERVIEWING (AMI), KESAN LATIHAN STRATEGI AMI KE ATAS KAUNSELOR PELATIH DAN PENGARUH ELEMEN BUDAYA KE ATAS KESAN LATIHAN.**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)**

TARIKH VIVA : **4 NOVEMBER 2011**

**1. PENYELIA**

Prof. Dr. Md. Shuaib Che Din

**2. PENYELIA BERSAMA**

Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok

DISAHKAN OLEH

Tandatangan

Tandatangan



## **PENGHARGAAN**

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof Dr. Md Shuaib Che Din di atas perkongsian ilmu dan kesabaran tidak terhingga yang ditunjukkan kepada saya sebagai pelajarnya. Betapa saya menghargai kesediaan, keintelektualan dan tunjuk ajarnya dalam membantu saya melebarkan pemikiran melebihi dari apa yang saya jangkakan. Tiada kata yang boleh menjelaskan ucapan penghargaan saya terhadap kepercayaannya bahawa saya boleh melalui proses penyediaan tesis ini dan saya berbangga menjadi salah seorang dari kelompok pelajar beliau. Saya juga mengucapkan terima kasih saya kepada Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok di atas kesudiannya untuk menjadi ahli jawatan kuasa tesis ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Murnizam Haji Halik, Prof. Dr. Vincent Pang Ah Fook dan Prof. Madya Dr. Mohd Dahlan A. Malek di atas usaha mereka dalam menambahbaik penulisan tesis ini.

Setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah serta pegawai dari Unit Latihan UMS yang banyak memberi sokongan serta kerjasama dalam permohonan saya untuk cuti belajar. Tidak ketinggalan juga kepada pihak UMTP, UMS, semua rakan pensyarah dan pelajar Program Psikologi Kaunseling, UMS yang telah memberi sokongan terhadap pengajian phd saya ini.

Akhirnya kepada keluarga saya, penghargaan dalam bentuk perkataan tidak akan dapat menjelaskan tentang kasih sayang dan sokongan yang telah ditunjukkan setiap hari semasa proses penyediaan tesis ini. Terima kasih kepada suami atas galakan dan telah menerima tanpa syarat di atas kelemahan saya sepanjang perkongsian hidup kami. Sokongan tanpa batasan dan kasih sayangnya yang berpanjangan adalah sumber kekuatan sebenar saya. Kepada anak saya, Intan Nur Fatiha, saya menunggu untuk meraikan phd kedua dalam keluarga saya dan bagi kedua-dua anak lelaki saya, mereka adalah insan istimewa dalam hidup saya.

Akhir sekali, terima kasih buat semua individu yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dengan penyediaan tesis ini. Segala bantuan, kerjasama daripada semua pihak terlibat amat dihargai dan sentiasa diingati. Adalah diharapkan hasil tesis ini akan dapat memberi sumbangan kepada dunia profesi membantu dan menjadikan saya insan yang lebih baik dari hari-hari sebelumnya.

Puteri Hayati Megat Ahmad  
20 Februari 2011

## **ABSTRAK**

### **MOTIVATIONAL INTERVIEWING: PEMBINAAN LATIHAN ADAPTASI MOTIVATIONAL INTERVIEWING (AMI), KESAN LATIHAN STRATEGI AMI KE ATAS KAUNSELOR PELATIH DAN PENGARUH ELEMEN BUDAYA KE ATAS KESAN LATIHAN**

Kajian *Motivational Interviewing*, MI secara berterusan telah menunjukkan hasil yang positif dalam pelbagai seting dan populasi tetapi tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada aspek dalaman dan proses yang berkaitan dengan latihan kaunselor dalam konteks budaya berbeza. Kajian eksperimen-kuasi ini bertujuan untuk membina satu strategi latihan Adaptasi *Motivational Interviewing*, AMI dalam latar budaya baru, menjalankannya ke atas kaunselor pelatih dan melihat pengaruh elemen budaya ke atas kesan latihan dengan mengambil kira faktor integriti dan keakuruan kajian. Kajian ini melibatkan 113 kaunselor pelatih dan menggunakan *Counseling Response Questionnaires*, *Confidence and Knowledge Scale* dan *Edwards Personal Preference Schedule*. Rating kesan latihan diukur melalui alat kajian *Motivational Interviewing Treatment Integrity*, MITI 3.0 dan *The Behavior Change Counseling Index*, BECCI. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan kesan latihan (pengetahuan, respon empati dan keyakinan melaksanakan kaunseling, kemahiran MI dan kemahiran mengubah tingkah laku) antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dari aspek perkaitan pula, wujudnya hubungan positif yang signifikan antara personaliti, pengetahuan, respon empati dan keyakinan dengan kemahiran MI dan kemahiran mengubah tingkah laku. Hasil analisis regresi pelbagai mendapati respon empati adalah peramal signifikan terhadap kemahiran MI, kemahiran mengubah tingkah laku dan tempoh masa bercakap kaunselor semasa sesi manakala Personaliti Mengasuh menjadi peramal paling signifikan bagi kemahiran kadar keseluruhan MI, empati, kemahiran keakuruan MI, respon refleksi-kompleks, kemahiran mengubah tingkah laku dan tempoh masa bercakap pelatih semasa sesi. Walau bagaimanapun, strategi latihan ini gagal meningkatkan penguasaan kemahiran subjek kepada tahap kecekapan kecuali bagi kemahiran respon refleksi-kompleks. Kajian ini menyumbang kepada pembinaan teori *Motivational Interviewing* dalam konteks pelbagai budaya serta menjadi model dalam latihan AMI di Malaysia tanpa mengabaikan aspek intergriti dan keakuruan kajian.

## **ABSTRACT**

*Studies on Motivational Interviewing, MI have continuously yielded positive result in various settings and populations, but not many studies have focused on internal aspects and the processes on counselor's training in different cultural context. The aim of this quasi-experimental study is to develop a training strategy of Adaptation Motivational Interviewing, AMI in a new cultural setting taking into account of the aspects particularly on fidelity and integrity. The study specifically focuses on counselor trainees and the influence of cultural elements that were represented by the personality traits of the trainees. The instruments used were Counseling Response Questionnaires, Confidence and Knowledge Scale and Edwards Personal Preference Schedule. Training effect were rated by using Motivational Interviewing Treatment Integrity, MITI 3.0 and Behavior Change Counseling Index, BECCI. One hundred and thirteen counselor trainees were involved in this study and they were divided into treatment and control groups. Overall results showed that, there were significant differences in effects of training (knowledge, empathy response, confidence, Motivational Interviewing skills and behavior change skills) between the treatment group and the control group. There was positive and significant relationship between personality, knowledge, empathy and confidence in response to motivational interviewing skills and behavior change skills. Results of regression analysis revealed that the empathy response is a significant predictor of MI skills, behavior change skills and practitioner talk time during session. Further, it was also found that personality traits such as Nurturance occurred to be predictor of MI spirit global score, empathy, MI-adherent skill, complex-reflection response, behavior change skills and practitioner talk time during session. However, this training strategy failed to improve the skills of the subject to the level of proficiency, except for the complex-reflection response. This study contributes towards theoretical development of Motivational Interviewing theory in cross-cultural context and promoting a model of AMI training in Malaysia without compromising integrity and fidelity of the study.*

## JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN CALON</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii

### BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang Permasalahan Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	
1.3.1	Pembinaan Strategi Latihan AMI	15
1.3.2	Maklumat Terhad Mengenai Cara Latihan Terbaik AMI	15
1.3.3	Pengaruh Elemen Budaya Ke atas Kesan Latihan	16
1.4	Objektif Kajian	
1.4.1	Objektif Umum	18
1.4.2	Objektif Khusus	18
1.5	Kesignifikhan Kajian	19
1.6	Limitasi Kajian	23
1.7	Definisi	
1.7.1	<i>Motivational Interviewing</i>	25
1.7.2	Adaptasi <i>Motivational Interviewing</i>	27
1.7.3	Latihan AMI	29
1.7.4	Pembinaan Latihan AMI	30

1.7.5	Kesan Latihan AMI	31
1.7.6	Integriti dan Keakuran	34
1.7.7	Kaunselor Pelatih	35
1.7.8	Elemen Budaya	36
1.8	Hipotesis Kajian	37
1.9	Kerangka Teoritikal	46
1.10	Rumusan	52

## **BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	54
2.2	<i>Motivational Interviewing, MI</i>	
2.2.1	MI Sebagai Satu Evolusi Teknik Yang Mempunyai Sifat Tersendiri	55
2.2.2	Hubungan <i>Motivational Interviewing, MI</i> Dengan Adaptasi <i>Motivational Interviewing, AMI</i>	57
2.2.3	Persoalan Mengenai AMI dan Soal Ketulinananya Dalam Kajian	58
2.3	Kepopularan dan Keberkesanannya AMI	
2.3.1	Rumusan Mengenai Penyebaran Kajian Terpilih	59
2.3.2	Rasional Kepopularan AMI	60
2.3.3	Rumusan Mengenai Keberkesanannya AMI	65
2.4	Kesan Latihan AMI dan Strategi Latihan Yang Berkesan	
2.4.1	Kesan Latihan AMI	71
2.4.2	Strategi Latihan Berkesan	80
2.5	Elemen Budaya (Personaliti)	91
2.6	Hubungan Antara Pembolehubah	92
2.7	Prospek Masa Depan AMI	96
2.8	Rumusan	98

## **Bab 3 : METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	100
3.2	Rekabentuk Kajian	100

3.3	Aras Kesignifikanan	102
3.4	Alat Kajian	102
3.5	Tempat Kajian	114
3.6	Subjek Kajian	114
3.7	Pembinaan Strategi Latihan AMI	116
3.7.1	Fasa Awal Latihan	119
3.7.2	Fasa Semasa Latihan	139
3.7.3	Fasa Akhir Latihan	144
3.8	Prosedur Kajian	147
3.8.1	Kajian Rintis	149
3.8.2	Kajian Sebenar	149
3.9	Penganalisisan Data Statistik	152
3.10	Rumusan	157

#### **BAB 4 : KEPUTUSAN**

4.1	Pengenalan	158
4.2	Normaliti Taburan Skor	
4.2.1	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	159
4.2.2	Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	160
4.2.3	Histogram	161
4.2.4	<i>Normal Probability Plot (Normal Q-Q Plot)</i>	161
4.3	Analisis Deskriptif	
4.3.1	Data Demografi	162
4.3.2	Tahap Kemahiran	164
4.3.3	Perbandingan Tahap Kemahiran Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	166
4.4	Analisis Inferensi	
4.4.1	Untuk Mengkaji Keberkesanan Latihan Strategi AMI Terhadap Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling Subjek Sebelum dan Selepas Latihan	170

4.4.2	Perbandingan Kesan Latihan Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Selepas Latihan	173
4.4.3	Untuk Mengkaji Keberkesanan Latihan Strategi AMI Ke atas Tahap Kecekapan Kemahiran MI dan Kemahiran Mengubah Tingkah Laku Terhadap Subjek Sebelum dan Selepas Latihan	175
4.4.4	Rumusan Tahap Keseluruhan Kecekapan Kemahiran MI Dalam Kalangan Subjek Rawatan Selepas Latihan	186
4.4.5	Untuk Melihat Hubungan Antara Pengetahuan, Respon Empati Dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling Dengan Kemahiran MI, Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Bagi Subjek Kumpulan Rawatan	187
4.4.6	Untuk Menilai Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling Terhadap Kemahiran MI dan Kemahiran Mengubah Tingkah Laku Bagi Subjek Kumpulan Rawatan	194
4.4.7	Untuk Melihat Hubungan Antara Personaliti Dengan Kesan Latihan (Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling) Bagi Subjek Kumpulan Rawatan	200
4.4.8	Untuk Melihat Hubungan Antara Personaliti Dengan Kesan Latihan (Kemahiran MI dan Kemahiran Mengubah Tingkah Laku) Bagi Subjek Kumpulan Rawatan	202
4.4.9	Untuk Menilai Pengaruh Personaliti Terhadap Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling Bagi Subjek Kumpulan Rawatan	206
4.4.10	Untuk Menilai Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran MI, Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Subjek Kumpulan Rawatan	209
4.5	<i>Serendipity</i>	215
4.6	Rumusan Keputusan	
4.6.1	Rumusan Analisis Deskriptif	216

4.6.2	Rumusan Analisis Inferensi	217
4.7	Penutup	225
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>		
5.1	Pengenalan	226
5.2	Integriti dan Keakuruan	226
5.2.1	Proses dan Prosedur Latihan	227
5.2.2	Rumusan Mengenai Integriti dan Keakuruan	242
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1	Kesan Latihan	244
5.3.2	Perbincangan Mengenai Kesan Latihan	249
5.3.3	Rumusan Kesan Latihan	261
5.3.4	Kesan Latihan – Hubungan Antara Pembolehubah	263
5.3.5	Personaliti dan Kesan Latihan	268
5.4	Rumusan	285
5.5	Implikasi Kajian	287
5.6	Cadangan Kajian AMI Akan Datang	290
5.7	Penutup	292
<b>RUJUKAN</b>		294
<b>LAMPIRAN</b>		323



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## **SENARAI JADUAL**

	Muka Surat	
Jadual 2.1	Aplikasi AMI Ke atas Pelbagai Masalah Tingkah Laku	60
Jadual 3.1	Item Yang Mewaliki Personaliti	108
Jadual 3.2	Alat Kajian dan Indeks Kebolehpercayaan	113
Jadual 3.3	Perbandingan Kandungan Latihan Dengan Manual aan Pandangan Pengkaji	121
Jadual 3.4	Kandungan Latihan Strategi AMI	129
Jadual 3.5	Perkaitan Elemen Latihan Dengan Komponen MI	135
Jadual 3.6	Penambahbaikan Elemen Latihan	136
Jadual 3.7	Jadual Latihan Strategi AMI	142
Jadual 3.8	Penomboran CD Rakaman	147
Jadual 3.9	Penganalisaan Data	152
Jadual 4.1	Keputusan Normaliti Data Kumpulan Rawatan	160
Jadual 4.2	Keputusan Normaliti Data Kumpulan Kawalan	160
Jadual 4.3	Nilai Skewness dan Kurtosis Bagi Data Kajian	161
Jadual 4.4	Analisis Deskriptif Kaunselor Pelatih Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Mengikut Ciri-Ciri Demografi	162
Jadual 4.5	Tahap Kemahiran MI Sebelum dan Selepas Latihan Bagi Kumpulan Rawatan	164
Jadual 4.6	Tempoh Masa Bercakap dan Tahap Kemahiran Sebelum dan Selepas Latihan Bagi Kumpulan Rawatan	165
Jadual 4.7	Perbezaan Tahap Kemahiran Sebelum Latihan Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	166
Jadual 4.8	Perbezaan Tahap Kemahiran Selepas Latihan Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	168

Jadual 4.9	Analisis Perbezaan Skor Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Rawatan	171
Jadual 4.10	Analisis Perbezaan Skor Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan kaunseling Sebelum dan Selepas latihan Oleh Kumpulan Kawalan	172
Jadual 4.11	Analisis Perbezaan Skor Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Melaksanakan kaunseling Sebelum dan Selepas latihan Oleh Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	174
Jadual 4.12	Analisis Perbandingan Skor Kemahiran MI Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Rawatan	177
Jadual 4.13	Analisis Perbandingan Skor Kemahiran MI Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Kawalan	179
Jadual 4.14	Analisis Perbandingan Skor Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Rawatan	181
Jadual 4.15	Analisis Perbandingan Skor Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Kawalan	182
Jadual 4.16	Analisis Perbezaan Skor Kemahiran MI, Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Sebelum dan Selepas Latihan Oleh Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	184
Jadual 4.17	Tahap Kecekapan Subjek Berdasarkan Min dan Peratus Kumpulan Rawatan Selepas Latihan	186
Jadual 4.18	Analisis Korelasi Pengetahuan, Respon Empati, Keyakinan Dengan Kemahiran MI, Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Bagi Kumpulan Rawatan	188
Jadual 4.19	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Kadar Keseluruhan	195
Jadual 4.20	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Empati	195

Jadual 4.21	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Keakuran MI	196
Jadual 4.22	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Respon Soalan Terbuka	197
Jadual 4.23	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Respon Refleksi-Kompleks	198
Jadual 4.24	Analisis Regresi Pelbagai Stepwise Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Terhadap Kemahiran Mengubah Tingkah Laku	198
Jadual 4.25	Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Bagi Mengenalpasti Pengaruh Pengetahuan, Respon Empati Dan Keyakinan Terhadap Tempoh Masa Berckap Semasa Sesi	199
Jadual 4.26	Analisis Korelasi Antara Personaliti Dengan Keyakinan Melaksanakan Kaunseling	201
Jadual 4.27	Analisis Korelasi Pengetahuan, Respon Empati, Keyakinan Dengan Kemahiran MI, Kemahiran Mengubah Tingkah Laku dan Tempoh Masa Berckap Semasa Sesi Bagi Kumpulan Rawatan	203
Jadual 4.28	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Pengetahuan MI	207
Jadual 4.29	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Respon Empati	208
Jadual 4.30	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Keyakinan Melaksanakan Kaunseling	208
Jadual 4.31	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Kadar Keseluruhan MI	211
Jadual 4.32	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Empati MI	211
Jadual 4.33	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Keakuran MI	212

Jadual 4.34	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Respon Soalan Terbuka	212
Jadual 4.35	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Respon Refleksi-Kompleks	213
Jadual 4.36	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Kemahiran Mengubah Tingkah Laku	213
Jadual 4.37	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Mengenalpasti Pengaruh Personaliti Terhadap Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi	214
Jadual 4.38:	Ringkasan Dapatan Korelasi	218
Jadual 4.39:	Ringkasan Dapatan Regresi Pelbagai	222



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **JADUAL RAJAH**

Muka Surat

Rajah 1.1	Penjelasan Proses dan Prosedur Pembinaan Latihan AMI	35
Rajah 1.2	Kerangka Teoritikal	53
Rajah 3.1	Rekabentuk Kajian	102
Rajah 3.2	Carta Alir Penjelasan Mengenai Keakuran dan Intergriti Pembinaan Strategi AMI	118
Rajah 3.3	Prosedur Kajian	148
Rajah 3.4	Tarikh Penyediaan Rakaman Bagi Subjek Kajian	150
Rajah 4.1	Ringkasan Hubungan Kuat Pembolehubah Respon Empati, dan Pengetahuan Dengan Kemahiran MI dan Tempoh Masa Bercakap Semasa Sesi Melalui Analisis Korelasi	220
Rajah 4.2	Ringkasan Hubungan Personaliti Dengan Kemahiran Melalui Analisis Korelasi	221
Rajah 4.3	Ringkasan Peratusan Pengaruh Pembolehubah Pengetahuan, Respon Empati dan Keyakinan Ke atas Pembolehubah Lain Melalui Analisis Regresi Pelbagai	223
Rajah 4.4	Ringkasan Peratusan Pengaruh Personaliti Ke atas Pembolehubah Kemahiran Melalui Analisis Regresi Pelbagai	224

## **SINGKATAN NAMA/ISTILAH / SIMBOL**

AMI	<i>Adaptasi Motivational Interviewing</i>
BECCI	<i>The Behavior Change Counseling Index</i>
CRQ	<i>Counseling Response Questionnaire</i>
EPPS	<i>Edwards Personal Preference Schedule</i>
MI	<i>Motivational Interviewing</i>
MTT	Model Transteoritikal
MITI	<i>Motivational Interviewing Treatment Integrity</i>
MISC	<i>Motivational Interviewing Skill Code</i>
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science for Windows</i>
Sig	Nilai Kesignifikanan
SP	Sisihan Piawai
M	Nilai Min
t	Nilai t
r	Nilai Korelasi Pearson
N	Bilangan Subjek
dk	Darjah Kebebasan
>	Lebih Besar Daripada
<	Lebih Kecil Daripada
$\beta$	Nilai Beta



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A: INSTRUMEN</b>	Muka Surat
<i>The Counseling Respons Questionnaire, CRQ</i>	326
<i>Confidence and Knowledge Scale</i>	327
<i>Edwards Personal Preference Schedule (EPPS)</i>	329
<i>Motivational Interviewing Treatment Integrity, MITI 3.0</i>	336
<i>The Behaviour Change Counseling Index , BECCI</i>	338
<b>LAMPIRAN B : MANUAL LATIHAN AMI</b>	
Slot Satu: Pengenalan	341
Slot Dua: Definisi, Semangat, Prinsip, Tahap Kesediaan Untuk Berubah	344
Slot Tiga: Kaedah Awal AMI	350
Slot Empat: Perubahan Percakapan dan Semangat AMI	360
Slot Lima: Bagaimana Perubahan Berlaku	365
Slot Enam: Kemahiran Keakuran MI	368
Slot Tujuh: Strategi Umum AMI	369

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Penggunaan kaedah klinikal Adaptasi *Motivational Interviewing* (AMI) yang meluas telah berlaku menerusi titik pertemuan antara sains dan praktis, kerana itu banyak eksperimen-eksperimen AMI telah dilakukan untuk memahami mekanisma bagaimana ia memberi kesan ke atas tingkah laku. Dapatan percubaan klinikal dan hasil khusus praktis di bidang ini telah memberi sumbangan penting kepada perkembangan teori, peningkatan khidmat rawatan serta kualiti latihan klinikal AMI. Walau bagaimanapun, kajian dalam rawatan tingkah laku di seting menghadapi cabaran bagi memastikan kesahan pendokumentasian keakuratan rawatan. Pertikaian dan keraguan tentang integriti dan keakuratan implementasi rawatan telah banyak diperkatakan kerana kedapatan AMI djalankan dalam bentuk yang mengabaikan semangat (*spirit*), prinsip dan kemahiran strategi ini. Oleh itu kajian lanjutan perlu dijalankan dengan mengambil kira aspek integriti dan keakuratan seperti yang disarankan oleh banyak pengkaji. Dalam kes AMI, memberi perhatian pada dua aspek utama kajian (integriti dan keakuratan), akan dapat mengatasi keraguan sama ada AMI memberi kesan besar dalam membawa perubahan, seperti yang selalu diperkatakan.

Kajian ini membincangkan tentang pembinaan satu strategi latihan AMI yang akan mengambil kira aspek integriti dan keakuratan supaya sumbangannya menjadi lebih bermakna ke arah perkembangan teori AMI dan hasil latihan tidak dipertikaikan. Secara spesifiknya, fokus kajian ini ialah mengenai pembinaan manual latihan AMI dan melihat kesan latihan tersebut seperti penguasaan pengetahuan, respon empati, keyakinan melaksanakan kaunseling, kemahiran MI dan kemahiran mengubah tingkah laku mengikut prosedur yang ditetapkan ke atas kaunselor pelatih. AMI adalah sesuatu yang baru di Malaysia memandangkan sehingga kini tiada sebarang kajian atau jurnal berkaitan kajian AMI di Malaysia ditemui.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi model printis latihan strategi AMI di Malaysia yang dapat dipertanggung jawabkan dari segi integriti dan keakuran. Pembinaaan strategi latihan AMI di latar baru tanpa adanya satu panduan piawai di samping mengekalkan aspek integriti dan keakuran menjadi cabaran kepada kajian ini. Latar baru merujuk kepada persekitaran baru (seperti di Malaysia) yang berbeza dari tempat AMI dibina. Integriti dan keakuran dalam kajian ini ialah penjelasan terperinci mengenai proses dan prosedur pembinaan strategi latihan AMI, pemilihan elemen latihan dan pengukuran kesan latihan.

Oleh kerana kajian mengenai latihan AMI ini pertama kalinya dijalankan di Malaysia, maka keberkesanan AMI dalam satu budaya baru yang berbeza dari tempat lazimnya ia dijalankan perlu mengambilkira elemen budaya yang dianggap penyumbang ke atas kesan latihan. Justeru itu elemen personaliti telah dipilih dan dianggap sebagai satu wakilan budaya dalam latar baru yang perlu dikaji sebagai penyumbang ke atas kesan latihan dalam kajian latihan AMI ini.

## **1.2 Latarbelakang Permasalahan Kajian**

Adaptasi *Motivational Interviewing* atau dikenali dengan akronim AMI adalah satu pendekatan strategi kaunseling dan psikoterapi yang semakin mendapat tempat sebagai satu kaedah terapi dan kini antara salah satu pendekatan semasa paling popular dan dominan (Simoneau dan Bergeron, 2003) dalam menjana motivasi klien semasa rawatan. AMI adalah satu strategi atau pendekatan ke arah perubahan klien berasaskan prototaipnya *Motivational Interviewing*, (MI). Kedua-dua strategi ini, MI dan AMI adalah berorientasikan pemusatan klien, mempunyai andaian, semangat, prinsip dan tujuan yang serupa, diandaikan mampu menjana perubahan tingkah laku klien secara sukarela mengikut satu ketetapan pusingan ‘tahap-tahap perubahan’ yang seringkali dipadankan dengan *stages of change* yang dikemukakan oleh Prochaska dan Norcross (2004). Oleh kerana AMI adalah strategi berasaskan MI, maka kajian tentang AMI dan MI seringkali berfokuskan kepada produk ‘perubahan’ yang diinginkan. Di dalam kajian MI ini juga, fokus kajian adalah merujuk kepada perkara yang sama, iaitu strategi Adaptasi *Motivational Interviewing* yang akan disebut selanjutnya sebagai AMI sahaja.

Umumnya, dalam bidang rawatan masalah psikologi dan perubahan tingkah laku (sama ada tingkah laku bermasalah atau tidak) telah pun muncul ratusan pendekatan teori kaunseling dan psikoterapi. Pada tahun 1979, Majalah *Time* melaporkan lebih daripada 200 teori terapi yang diketahui telah wujud. Pada tahun 2003 pula, dianggarkan 400 pendekatan/teori kaunseling yang wujud pada ketika itu dan jumlah ini terus meningkat dari masa kesemasa secara pesat (Prochaska dan Norcross, 2004). Dari segi orientasi aliran pula, teori-teori kaunseling dan psikoterapi ini dapat dikategorikan kepada empat aliran bermula dengan Psikoanalisis (*Psychoanalysis*), diikuti dengan Behaviorisme (*Behaviorism*), Kemanusiaan (*Humanism*) dan kini tumpuan perhatian kepada Pelbagai Budaya (*Multicultural*).

Walaupun ratusan pendekatan/teori kaunseling dan psikoterapi yang muncul, namun tidak banyak yang kekal, berkembang dan dapat bertahan. Sehubungan itu, MI dan strategi AMI adalah antara teori-teori baru yang mendapat tempat atau bertapak dalam senarai teori kaunseling dan psikoterapi kontemporari. Hal ini terbukti apabila adanya bab khusus tentang ‘*Motivational Interviewing*’ dalam dua buah buku rujukan utama kaunseling dan psikoterapi yang digunakan di institusi pengajian tinggi seperti dalam penulisan Austad (2009) dan Sharf (2009). Sebelum ini MI kurang mendapat tempat yang spesifik sebagai satu teori dan ini dapat diperhatikan dalam beberapa buku teks kaunseling dan psikoterapi seperti buku Corey (2009).

Dalam konteks Multibudaya pula, pendekatan AMI adalah sesuatu yang dapat memenuhi keperluan terapi semasa. Dua sifat utama AMI iaitu sifat ‘*transtheoretical*’ dan ‘*atheoretical*’nya, yang semulajadi ada pada teori ini, sekaligus menjadi respon kepada keperluan semasa iaitu satu pendekatan teori yang dapat mengatasi masalah bias dan nilai latar masyarakat asal di mana teori itu tercipta. MI adalah berbeza daripada teori-teori kaunseling yang lain kerana strategi ini adalah *neutral* atau berkecuali dan tidak terikat dengan mana-mana nilai, di samping kehadirannya boleh diterima pakai dalam semua teori kaunseling kontemporari masa kini. Sifat ‘*atheoretical*’ atau neutral menerangkan bahawa ia tidak terikat dengan nilai-nilai tempat ia dilahirkan dan sifat ‘*transtheoretical*’ yang

merentasi batasan negara dan budaya, menjadikan AMI sangat sesuai jika digunakan di negara-negara bukan barat seperti di Malaysia dan juga negara-negara yang lain.

Di peringkat awal perkembangan MI atau AMI, pendekatan ini digunakan untuk merawat individu yang mempunyai masalah akibat menjadi peminum arak, kemudian strategi AMI bertambah luas penggunaannya, merangkumi masalah-masalah lain seperti dalam rawatan perubahan tingkah laku, (Miller dan Rollnick, 2002), penjagaan kesihatan (Rollnick, Miller dan Butler, 2008) dan masalah-masalah psikologi seperti kebimbangan, kemurungan dan sebagainya (Arkowitz, Westra, Miller dan Rollnick, 2008). Selain daripada itu, penggunaan AMI juga menjalar luas dari daerah asal kelahirannya di Amerika Utara ke England dan lain-lain negara di Eropah. Kajian-kajian yang dijalankan di pelbagai latar dan populasi ini melahirkan bukti-bukti yang nyata menyokong keberkesanannya sebagai kaedah yang membawa perubahan (Arkowitz *et al.*, 2008; Burke, Arkowitz dan Dunn, 2002; Dunn, Deroo dan Rivara, 2001).

Dewasa ini, AMI sering dikaitkan dengan penagihan (*addiction*) dan dikenali sebagai intervensi utama bagi rawatan penyalahgunaan bahan (*substance abuse*) (Hettema, Steele dan Miller, 2005). Malah dalam bidang ini, AMI dianggap pendekatan rawatan yang paling banyak mempunyai bukti empiris dalam aspek keberkesanan rawatan selain daripada Latihan Kemahiran Tingkah Laku Kognitif (Burke *et al.*, 2002; Dunn *et al.*, 2001). Di samping itu, AMI juga terbukti sebagai satu pendekatan bersifat kos efektif (Project MATCH Research Group, 1997).

Melalui kajian, ada beberapa kekuatan AMI yang dikenalpasti antaranya; pertama, kesesuaian penggunaan AMI dalam pelbagai seting dan populasi kerana ia berdasarkan prinsip umum tingkah laku manusia (Hettema *et al.*, 2005), sesuai dengan populasi yang mengelak rawatan (*non-treatment-seeking population*) dan yang menghadapi keceluaran motivasi (Heather, 2005); kedua, intervensi AMI adalah singkat menyebabkan kurang kos rawatan tanpa mengorbankan keberkesanan keseluruhan rawatan (Burke, Arkowitz dan Menchola, 2003; Dunn *et al.*, 2001; Miller dan Rollnick, 2002; Project MATCH Research Group, 1997);